

MUHAMMAD MUSTAQIM MOHD ZARIF

BRAILLE AL-QURAN

Sejarah dan Kaedah



BRaille AL-QURAN

Sejarah dan Kaedah

BRAILLE AL-QURAN

Sejarah dan Kaedah



MUHAMMAD MUSTAQIM MOHD ZARIF

Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2013

CETAKAN PERTAMA 2013

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel:06-798 8226/6081 | Faks:06-798 6083
penerbit.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

**Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

ANUGERAH ILHAM

No. 138, Jalan Nilai Square Utama
71800, Nilai
Negeri Sembilan
Faks : 06-799 0906
halim_anugerah@yahoo.com.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Muhammad Mustaqim Mohd. Zarif

Braille al-Quran : sejarah dan kaedah / Muhammad Mustaqim Mohd
Zarif.

ISBN 978-967-440-005-7

1. Qur'an--Orthography. 2. Braille books. I. Judul.
297.1224042

BRAILLE AL-QURAN

Sejarah dan Kaedah

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	vii
PRAKATA	ix
PENGHARGAAN	xi
SINGKATAN	xiii
PENDAHULUAN	xv
BAB 1: TULISAN BERASASKAN SENTUHAN: SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA	19
Siapakah yang Menggunakan Tulisan Berasaskan Sentuhan?	19
Tulisan Berasaskan Sentuhan di Dunia Islam	21
Tulisan Berasaskan Sentuhan di Barat	23
Standardisasi Tulisan Berasaskan Sentuhan di Barat	32
BAB 2: SISTEM BRAILLE: STRUKTUR, PENGELASAN DAN TRANSKRIPSI	39
Sistem Braille Enam Titik	40
Sistem Braille Lapan Titik	44
Pengelasan Kod Braille	45
Transkripsi Braille	52
Kod-kod Braille yang Digunakan di Malaysia	59
BAB 3: SEJARAH BRAILLE AL-QURAN DI MALAYSIA	65
SKPK Princess Elizabeth dan al-Quran Braille	68
Projek Rintis Penghasilan al-Quran Braille	74
PERTIS dan Pengkomputeran al-Quran Braille	77
Perkembangan dan Isu Semasa Braille al-Quran di Malaysia	83

BAB 4: AL-QURAN BRAILLE PERTIS: STRUKTUR DAN METODE	87
Sejarah Kod Braille Bahasa Arab	88
Struktur dan Metode Penulisan al-Quran Braille PERTIS	97
Format Penulisan al-Quran Braille PERTIS	111
Penggunaan dan Isu Berkaitan	114
BAB 5: KOD BRAILLE WASILAH BACAAN AL-QURAN: STRUKTUR DAN METODE	117
Sejarah Ringkas	117
Struktur dan Metode Penulisan	120
Format Penulisan al-Quran Braille	129
Penggunaan dan Isu Berkaitan	130
Perbandingan antara al-Quran Braille PERTIS dan Kod Braille Wasilah	135
BAB 6: SEJARAH DAN METODE PENULISAN AL-QURAN BRAILLE DI NEGARA ISLAM LAIN	137
Jordan	137
Mesir	146
Tunisia	151
Arab Saudi	154
Indonesia	159
Kesimpulan	167
RUMUSAN	169
BIBLIOGRAFI	171
INDEKS	177

KATA PENGANTAR

Zakaria bin Yahya

Yang Dipertua, Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)

Segala puji hanya layak kepada Allah, Pentadbir seluruh alam. Selawat serta salam khusus kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya serta zuriat baginda, para sahabat baginda, para tabiin serta mereka yang mengikuti para tabiin sehingga ke hari kiamat.

Terlebih dahulu, saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana akhirnya buku ini telah dapat dihasilkan. Hasrat golongan OKU penglihatan khasnya di negara ini untuk menyaksikan penerbitan buku seperti ini sememangnya sudah terpendam sejak sekian lama. Segala puji hanya untuk Allah kerana akhirnya doa dan hasrat kami supaya penerbitan buku seperti ini menjadi kenyataan dan termakbul juga.

Perkembangan sistem Braille al-Quran dan Jawi di negara ini telah pun bermula sejak dekad 50-an lagi. Namun demikian, satu kekosongan yang ketara ialah sejarah serta perkembangannya sehingga kini kurang dikaji dan tidak didokumentasikan secara akademik seperti ini. Selama ini maklumat mengenai sejarah dan perkembangan sistem tulisan Braille al-Quran dan Jawi di negara ini hanya tersimpan dalam bentuk pengalaman atau catatan kecil khususnya oleh pengguna sistem berkenaan. Justeru, kemunculan buku ini merupakan satu perkembangan yang amat penting serta sumbangan yang sangat bermakna kepada sejarah perkembangan tulisan Braille al-Quran di negara ini.

Antara prasyarat yang dimiliki oleh penulis buku ini ialah beliau amat mahir dengan tulisan Braille khasnya Braille al-Quran dan Jawi, mahir dalam bahasa Arab serta mahir dalam bahasa Inggeris. Kombinasi ketiga-tiga kemahiran ini merupakan kelebihan yang sangat berguna yang telah berjaya dimanfaatkan dengan baik ke arah merintis

satu kajian bersifat ilmiah yang mencabar yang belum dilakukan sebelum ini. Hasilnya, penulis telah berjaya mengetengahkan fakta dan data mengenai al-Quran Braille dengan baik dan tepat berdasarkan kepelbagaian bahan dan sumber yang autentik. Selain itu, kemampuan penulis untuk mengetengahkan sejarah dan perkembangan al-Quran Braille di beberapa negara lain juga merupakan sesuatu yang penting dan cukup menarik. Menerusi maklumat berkenaan, kita dapat menilai dan mengukur perkembangan yang sedang berlaku di negara sendiri dengan lebih realistik.

Di samping itu, pandangan dan kritikan yang diutarakan oleh penulis dalam buku ini mempunyai asas yang kukuh serta bersifat konstruktif. Ia seharusnya diberikan perhatian oleh para pengkaji serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang yang sama pada masa akan datang. Mudah-mudahan buku ini akan merintis jalan kepada lebih banyak lagi kajian mengenai Braille al-Quran dan Braille Jawi khususnya di negara ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penulis buku ini kerana telah berjaya menghasilkan sebuah buku yang baik, menarik serta amat bermanfaat. Tanpa minat, bakat, usaha serta komitmen yang tinggi, sudah tentulah penghasilan buku ini tidak akan dapat disempurnakan dengan baik. Sesungguhnya buku ini merupakan sumbangan yang penuh bermakna daripada seorang yang berpenglihatan kepada golongan OKU penglihatan.

Zakaria bin Yahya

Yang Dipertua

Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)

Jamadir Akhir 1434H (April 2013M)

PRAKATA

Buku ini berkisar mengenai Braille al-Quran. Secara khasnya, ia membincangkan mengenai Braille al-Quran dalam konteks Malaysia khususnya dari aspek sejarah, kaedah, amalan dan senario pada masa kini. Ia melambangkan usaha dan pengalaman penulis yang telah berkecimpung dalam bidang ini selama lebih daripada lima tahun sama ada dari aspek pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan sebagainya. Tujuan utama penulisan buku ini ialah untuk berkongsi ilmu berkaitan Braille al-Quran dengan masyarakat di Malaysia yang sejak akhir-akhir ini menunjukkan peningkatan minat terhadapnya.

Diharapkan agar sedikit sebanyak maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat memberikan kefahaman dan apresiasi kepada semua golongan masyarakat sama ada yang berpenglihatan mahupun tidak terhadap Braille al-Quran. Seterusnya, akan membawa kepada perkembangannya yang lebih cerah pada masa hadapan. Ini kerana, setakat yang diketahui, amatlah sukar untuk mendapatkan buku mengenai Braille dalam bahasa Melayu, apalagi Braille al-Quran.

Usaha untuk menggali dan mengumpulkan bahan berkaitan dengannya juga sebenarnya tidaklah mudah dan memberikan cabaran demi cabaran untuk merealisasikan. Justeru, penghasilan buku ini bukan sekadar untuk memenuhi kelompangan yang terdapat dalam bidang berkaitan Braille al-Quran, bahkan memberikan bahan rujukan yang bersesuaian kepada para pelajar yang mengikuti Kursus Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Profesor Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

PENGHARGAAN

Segala puji dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi, yang dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, penulisan buku ini dapat diselesaikan. Sesungguhnya tiada daya dan kekuatan untuk menolak kemudaratan atau mendatangkan manfaat selain Allah SWT jua; Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Muhammad ibn Abdullah SAW serta para ahli keluarga, sahabat dan pengikut baginda sehingga ke hari kiamat kelak.

Dalam kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Penerbit USIM yang sudi menerima buku ini untuk diterbitkan. Demikian juga, sekalung terima kasih saya tujukan kepada kedua-dua ibu dan bapa saya serta semua sahabat dan rakan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) yang sama-sama berjuang dan berganding bahu dalam menyebarkan dan memartabatkan pengajian al-Quran Braille di peringkat pengajian tinggi.

Tidak dilupakan juga terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak Arkib Negara Malaysia (ANM) yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam membekalkan bahan-bahan dan rekod-rekod penting berkaitan sejarah perkembangan Braille di negara kita pada masa lampau.

Teristimewa ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada Y. Bhg. En. Zakaria bin Yahya; Yang Dipertua Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) serta keluarga dan ahli PERTIS atas segala sokongan, bantuan, nasihat dan kerjasama baik yang diberikan sepanjang tempoh saya berkecimpung dalam bidang Braille al-Quran. Beliau bukan sahaja

sekadar sahabat, bahkan juga merupakan guru yang mengajar saya mengenal Braille dan Braille al-Quran. Sesungguhnya usaha dan kegigihan beliau dalam memartabatkan al-Quran Braille di negara ini merupakan suatu perkara yang harus dicontohi oleh semua pihak.

Akhir kalam, semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para pembaca tanpa mengira latar belakang mereka dalam bidang Braille al-Quran. Semoga buku ini menjadi sumbangan kerdil saya dalam memperkayakan khazanah ilmu dalam bidang Braille al-Quran, terutamanya dalam bahasa Melayu, di negara kita yang tercinta ini.

Profesor Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Putra Nilai

Rabiulakhir 1434H/Februari 2013M

SINGKATAN

ANM	Arkib Negara Malaysia
BANA	<i>Braille Authority of North America</i>
H	Hijrah
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JAIJ	Jabatan Agama Islam Johor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KDN	Kementerian Dalam Negeri Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran/Pendidikan Malaysia
M	Masihi
m.	Meninggal dunia
MAB	<i>Malaysian Association for the Blind</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PERTIS	Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia
PES	<i>Princess Elizabeth School</i>
SAW	<i>Sallahahu 'alayhi wasallam</i>
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
SWT	<i>Subhanahu wa ta'ala</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
WBC	<i>World Braille Council</i>
WHO	<i>World Health Organization</i>
YAKETUNIS	Yayasan Kesejahteraan Tunanetra Islam
YPWG	Yayasan Penyantun Wyata Guna

PENDAHULUAN

Braille merupakan sistem tulisan berasaskan sentuhan yang paling meluas digunakan oleh masyarakat dunia pada hari ini. Penciptaan sistem tulisan Braille telah memberikan sinar harapan kepada OKU Penglihatan dan membolehkan partisipasi mereka yang lebih aktif dalam aktiviti berkaitan ilmu dan pengetahuan. Berbanding dengan kaedah konvensional dalam pembelajaran OKU Penglihatan yang tertumpu pada pendengaran dan hafalan, sistem Braille menjadikan daya sentuhan sebagai salah satu saluran resepsi ilmu sebagai ganti kepada deria penglihatan.

Peluasan aplikasi sistem Braille dalam pelbagai aspek bahasa dan kegunaan tertentu juga telah melebarkan pengaruh dan peranannya dalam pemeraksanaan OKU Penglihatan.

Bagi seseorang Muslim pula, pengadaptasian Braille dalam penulisan al-Quran bukan sahaja meluaskan akses kepada pembacaan dan penulisan al-Quran dari aspek fungsional, bahkan memberikan mereka kepuasan dan nilai estetika yang merintis jalan ke arah pembudayaan, penghayatan dan pengamalan al-Quran sebagai panduan dalam segenap aspek kehidupan.

Di sebalik kepentingan dan peranannya dalam kehidupan OKU Penglihatan Muslim, tidak banyak yang diketahui mengenai Braille al-Quran. Bahkan kebanyakan daripada maklumat mengenai perkara ini hanya diketahui oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang ini sahaja, yang rata-ratanya terdiri daripada golongan OKU Penglihatan, dan disebarkan secara lisan dan menerusi medium yang tidak formal. Bahan penulisan yang formal dalam bentuk buku, makalah dan sebagainya pula agak nadir dan sukar diperolehi. Demikian juga, kesukaran mendapatkan pakar yang menguasai kedua-dua bidang ilmu al-Quran dan Braille juga amat dirasakan, terutamanya dalam usaha penghasilan dan penyeragaman al-Quran Braille di negara ini.

Pada masa yang sama, akhir-akhir ini terdapat peningkatan minat dan perhatian daripada kalangan masyarakat di negara ini khususnya terhadap isu berkaitan pembelajaran dan pembudayaan al-Quran oleh OKU Penglihatan. Salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada situasi ini ialah peranan publisiti terhadap Braille al-Quran yang diberikan oleh media elektronik dan bercetak termasuk liputan mengenai penghasilan dan pembiayaan percetakan Braille al-Quran oleh individu dan organisasi tertentu selain penceritaan mengenai Braille al-Quran dalam siri drama televisyen tempatan.

Walau bagaimanapun, berbanding dengan persepsi popular mengenainya, Braille al-Quran sebenarnya sudah pun bertapak dalam masyarakat Islam di Malaysia sejak daripada era sebelum merdeka lagi walaupun dalam keadaan yang masih pramatang. Malaya yang pada ketika itu di bawah pemerintahan British juga telah memainkan peranan yang penting dan menyumbang ke arah penyeragaman kod Braille Bahasa Arab yang menjadi teras kepada penulisan al-Quran Braille. Namun, kesemua aspek penting yang dinyatakan ini seolah-olahnya hilang dalam liputan sejarah dan tidak pernah mendapat perhatian dan liputan yang sewajarnya.

Justeru, menjadi fokus buku ini untuk cuba mengisi kelompangan yang ada dalam bidang berkaitan Braille al-Quran di negara ini. Secara khususnya, ia khusus membicarakan sejarah Braille al-Quran di Malaysia dari aspek perkembangannya, amalannya serta senario semasa berkaitan dengannya. Pada masa yang sama, perbincangan turut merangkumi aspek kaedah penulisan Braille dan Braille al-Quran serta perkembangan yang berlaku di negara-negara Islam terpilih. Diharapkan agar perbincangan yang dimuatkan dalam buku ini bukan sahaja dapat merekonstruksi semula sejarah sosial Braille al-Quran di negara ini, bahkan membuka peluang ke arah pemahaman dan penerokaan yang lebih lanjut mengenainya.

Penting disinggung di sini penggunaan istilah yang digunakan dalam buku ini untuk mengelakkan kekeliruan. Ungkapan “Braille al-Quran” dan “al-Quran Braille” jika dilihat sepintas lalu seolah-olah tidak memberikan sebarang perbezaan yang signifikan. Walau bagaimanapun dalam konteks buku ini, “Braille al-Quran” digunakan dalam konteks makna kod yang digunakan dalam penulisan al-Quran Braille, manakala “al-Quran Braille” bermaksud naskhah al-Quran yang ditulis dalam bentuk Braille ataupun mashaf Braille.

Seperkara lagi, berkaitan sumber-sumber rujukan yang digunakan dalam penulisan buku ini, sebahagiannya bersandarkan kepada sumber bertulis dalam bentuk laporan (bercetak dan tidak bercetak), fail rasmi, tesis, buku dan makalah berkaitan yang diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk Arkib Negara Malaysia. Pada masa yang sama, sumber lisan dan pengalaman individu juga memainkan peranan yang penting terutamanya dalam konteks ketiadaan sumber rujukan bertulis yang berwibawa.

Dalam konteks ini, nukilan, temu bual serta pengalaman yang dialami sendiri oleh En. Zakaria bin Yahya merupakan sumber utama dalam aspek berkaitan sejarah perkembangan Braille al-Quran di Malaysia. Selain itu, pengalaman dan kemahiran penulis sendiri yang berkecimpung dalam kedua-dua bidang pengajian al-Quran dan Braille al-Quran mendasari perbincangan berkaitan kaedah dan metode penulisan al-Quran Braille yang diaplikasikan dalam mashaf-mashaf Braille yang dikaji.

Terdapat enam topik perbincangan utama dalam buku ini yang dibahagikan kepada enam bab. Bab Satu membincangkan tentang tulisan berasaskan sentuhan, penggunaannya dan sejarah perkembangannya dalam kalangan masyarakat Islam dan Barat. Kaedah dan sistem tulisan yang pernah dihasilkan turut disentuh selain proses standardisasi tulisan-tulisan tersebut yang membawa kepada pengadaptasian Braille sebagai standard. Ini disusuli dengan Bab Dua yang membincangkan secara khusus mengenai sistem tulisan Braille dari aspek struktur, pengelasan, metode transkripsi dan perkembangan beberapa kod Braille yang digunakan di Malaysia.

Seterusnya, Bab Tiga mengupas secara mendalam mengenai sejarah Braille al-Quran di Malaysia; dari mula mashaf Braille dibawa masuk ke negara ini sehinggalah kepada perkembangan dan percetakan mashaf Braille terbitan PERTIS. Beberapa isu dan perkembangan semasa berkaitan Braille al-Quran turut dibincangkan. Bab berikutnya pula terfokus untuk membentangkan struktur, metode dan format penulisan al-Quran Braille PERTIS. Pada masa yang sama, sejarah perkembangan kod Braille Bahasa Arab yang menjadi teras kepada Braille al-Quran turut dibincangkan.

Bab Lima menyaksikan perbincangan mengenai salah satu daripada inisiatif yang pernah diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membangunkan kod Braille al-Quran dari aspek struktur, metode dan format penulisannya. Beberapa isu berkaitan kod ini turut diutarakan selain membandingkannya dengan al-Quran Braille terbitan PERTIS.

Akhir sekali, Bab Enam menyorot sejarah dan metode penghasilan al-Quran Braille dalam kalangan negara Islam. Pada masa yang sama, aspek berkaitan struktur, metode dan format penulisan al-Quran Braille negara-negara tersebut turut dibincangkan. Perkara ini penting untuk memberikan gambaran yang lebih meluas terhadap isu yang dibincangkan ini daripada pelbagai perspektif. Sebagai penutup, beberapa rumusan penting tentang Braille al-Quran dibentangkan untuk perkembangan dan pemartabatan Braille al-Quran di negara ini.

BAB 1

TULISAN BERASASKAN SENTUHAN: SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA

Tulisan merupakan salah sebuah medium komunikasi manusia yang tertua. Ia telah diterokai semenjak ribuan tahun yang silam dan telah melalui pelbagai evolusi dan perkembangan sepanjang sejarah. Tulisan kuno lebih berbentuk simbol dan gambar rajah seperti heliograf, piktograf dan sebagainya. Manakala tulisan moden pula menggunakan aksara atau huruf yang membentuk perkataan, ayat dan sebagainya. Menariknya, kebanyakan contoh tulisan yang dinyatakan di atas dikhususkan untuk pembacaan menerusi penglihatan dan seseorang itu berupaya memahami maksud sesuatu tulisan menerusi pengecaman kognitif terhadap simbol yang digunakan menggunakan deria mata.

Walau bagaimanapun, terdapat satu lagi bentuk tulisan yang wujud dan digunakan di dunia pada hari ini. Ia dikenali sebagai *tactile-based writing* atau tulisan berasaskan sentuhan. Berbeza dengan bentuk tulisan biasa yang dibaca menerusi penglihatan, *tactile writing* “dibaca” menerusi deria sentuhan. Simbol-simbol yang diberikan makna tertentu akan dibentuk, diukir atau dicetak supaya menjadi timbul (*embossed*) dan boleh dirasai menerusi deria sentuhan hujung jari.

SIAPAKAH YANG MENGGUNAKAN TULISAN BERASASKAN SENTUHAN?

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, definisi Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Terdapat tujuh kategori kurang upaya yang termasuk dalam takrifan ini iaitu: pendengaran, penglihatan, fizikal, pertuturan, masalah pembelajaran, mental dan kecacatan pelbagai (*multiple disabilities*).

RUMUSAN

Seperti yang telah dibincangkan, pengadaptasian sistem Braille dalam penulisan dan penghasilan mashaf Braille telah membuka peluang yang lebih meluas kepada OKU Penglihatan untuk mempelajari dan membudayakan al-Quran dalam kehidupan mereka. Dalam merealisasikan perkara ini, kebanyakan negara Islam telah mengambil inisiatif untuk membangunkan mashaf Braille mereka sendiri yang bukan sahaja perlu menepati kaedah penulisan al-Quran yang betul, bahkan juga bersesuaian dengan persekitaran dan latar belakang OKU Penglihatan Muslim yang terdapat di negara masing-masing. Yang lebih penting lagi, kebanyakan daripada usaha tersebut juga didukung kuat oleh pihak berwajib negara-negara tersebut selain badan-badan berkenaan yang berusaha merungkaikan segala persoalan agama berkaitan Braille dalam bentuk ketetapan hukum, fatwa dan sebagainya.

Dalam konteks Malaysia secara khasnya, mashaf Braille telah pun bertapak sejak pertengahan kedua abad ke-20 lagi, namun secara amnya perkembangan Braille al-Quran di negara ini berlaku dengan agak perlahan. Hanya mulai daripada dekad 1980-an sahaja yang menyaksikan usaha serius ke arah penghasilan mashaf Braille yang akhirnya berjaya direalisasikan oleh PERTIS menjelang akhir abad ini. Di sebalik kejayaan menghasilkan mashaf Braille terbitan anak watan, masih terdapat beberapa isu yang masih perlu kepada perhatian dan tindakan yang sewajarnya daripada pihak-pihak yang berkenaan. Perkara ini adalah penting terutamanya untuk memastikan mashaf Braille yang dihasilkan di negara ini bukan sahaja bebas daripada kesalahan, bahkan selari dengan kaedah penulisan al-Quran yang berlandaskan *Rasm Uthmani*.

Diharapkan juga agar persaingan sesama OKU Penglihatan yang berlumba-lumba untuk menerbitkan mashaf Braille di negara ini dapat diselesaikan dengan baik dan menguntungkan semua pihak. Sebaiknya, kesemua pihak yang terlibat bermuafakat dan menggembelng tenaga dan usaha untuk memainkan peranan masing-masing dalam usaha untuk

memartabatkan segenap aspek berkaitan al-Quran; yang merangkumi bukan sahaja dari aspek bacaannya, tetapi juga pemahaman dan tafsirannya yang masih lagi jauh ketinggalan.

Golongan masyarakat Islam yang berpenglihatan juga seharusnya memainkan peranan yang lebih besar lagi dalam membantu saudara seagama mereka yang memerlukan sokongan dan bantuan, bukan atas dasar ihsan semata-mata, bahkan dalam konteks untuk memperkasakan mereka dalam menghadapi cabaran kehidupan. Justeru, pemahaman terhadap situasi OKU Penglihatan dan kemahiran menguasai sistem tulisan Braille menjadi langkah pertama ke arah mengeratkan hubungan dan kerjasama, terutamanya dalam konteks penghayatan dan pengamalan agama yang bermula dengan pembacaan al-Quran yang betul dan sempurna.

BIBLIOGRAFI

Mashaf Braille:

- al-Amanah al-‘Ammah li al-Tarbiyah al-Khassah. (t.th.). *al-Quran al-Karim bi Riwayah Hafis ‘an ‘Asim*. Riyadh.
- al-Ittihad al-Qaumi li al-Makfufin. (1976). *al-Quran al-Karim bi al-Khatt al-Bariz li al-Makfufin hasb Riwayah Qalun*. Tunis.
- al-Markaz al-Namuzaji li Ri‘ayah wa Tawjih al-Makfufin. (1962). *al-Quran al-Karim*. Kaherah.
- Jam‘iyah al-Muhafazah ‘ala al-Quran al-Karim. (2005). *al-Quran al-Karim bi Nizam Braille*. al-Zarqa’.
- Madrasah al-‘Ala’iyah li al-Makfufin. (1952). *al-Quran al-Karim*. Jordan.
- PERTIS. (1999). *al-Quran al-Karim bi al-Kitabah al-‘Arabiyyah al-Nafirah*. Kuala Lumpur.
- Pusat Sumber Braille. (2010). *al-Quran al-Karim Tulisan Braille*. Kuala Lumpur.
- YAKETUNIS. (1976). *Al-Quranulkarim dalam Huruf Arab Braille*. Yogyakarta.
- YPWG. (2010). *Al-Quraanul Kariim dalam Huruf Braille Berpedoman kepada Mushaf Standar dengan Terjemah*. Bandung.

Sumber Rujukan Lain:

- A.Kamel Mohamed, M.Mustaqim M.Zarif, K.Anuar Mohamad, M.Alwi Yusoff. (2008). *Metod Pengajian Braille al-Quran*. Nilai: Laporan Penyelidikan USIM.

- Abu Umar, Ahmad Tahir. (t.th.). *Jam‘iyyah al-Muhafazah ‘ala al-Quran al-Karim Tunjiz Mashru‘ Isdar al-Mushaf al-Sharif bi Tariqah Braille li al-Makfufin*. Jordan: Jam‘iyyah al-Muhafazah ‘ala al-Quran al-Karim. Kertas kerja tidak diterbitkan. 6 hal.
- Abualkishik Abdallah M. & Khairuddin Omar. (2009). “Quranic Braille System”, *International Journal of Humanities and Social Sciences* 3:4. Hal. 313-319.
- al-Mousa, Nassir A. (2009). “The Braille System in the Arab World: Past and Present”. Kertas Kerja dalam *Braille 1809-2009: Writing with Six Dots and Its Future*. Paris: UNESCO. [http://www.avh.asso.fr/rubriques/infos_braille/actes/13-4%20Nassir%20AL-MOUSA%20\(Eng\).htm](http://www.avh.asso.fr/rubriques/infos_braille/actes/13-4%20Nassir%20AL-MOUSA%20(Eng).htm) (tarikh diakses 4 Januari 2013).
- al-Qalqashandi, Abu al-Abbas Ahmad. (1922). *Subh al-A‘sha fi Kitabah al-Insha*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- al-Zirikli, Khairuddin. (2002). *al-A‘lam: Qamus Tarajim li Asyhar al-Rijal wa al-Nisa’ min al-‘Arab wa al-Musta‘ribin wa al-Mustashriqin*. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- American Association of Workers for the Blind (AAWB). (1987). *The Nemeth Braille Code for Mathematics and Science Notation 1972 Revision*. Louisville: American Printing House for the Blind.
- Anonimus. (12 September 2006). “al-Quran Tulisan Braille diedar-AQBG1 enam jilid dibekal secara berperingkat ke sekolah rendah, menengah”. *Berita Harian*.
- Anonimus. (1993). “Learning the Quran Through Braille”. *Islamic Herald* 14:1. Hal. 9.
- Anonimus. (2002). *Nizam Braille ‘Arabi al-Mutawwar*. Riyadh: Matabi‘ Khadim al-Haramain al-Sharifain li Tiba‘ah al-Mushaf al-Sharif bi Tariqah Braille.
- Anonimus. (1 Mei 1998). “Sekolah Model Khas- Gabungkan Pelajar Luar Bandar yang Berpotensi di Setiap Daerah”. *Utusan Malaysia*.
- Arkib Negara Malaysia. (1987). *Hari ini dalam Sejarah Jilid V*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Azahari Haji Othman. (1997). *Laporan Jawatankuasa Kerja Penyemakan al-Quran Braille Darul Quran JAKIM*. Dokumen rasmi tidak diterbitkan. 15 Oktober.
- Blind Welfare Office. (1954). *Blindness in Malaya: Recommendations Prepared for the Government of the Federation of Malaya for the Prevention of Blindness and for the Ducation, Training, Employment and After-care of the Incurably Blind in the Federation*. Laporan tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Social Welfare Department.
- Braille Authority of North America (BANA). (2000). *Computer Braille Code: Revised 2000*. Louisville: American Printing House for the Blind.
- _____. (1997). *Music Braille Code 1997*. Louisville: American Printing House for the Blind.
- Burns, Peggy. (1993). *Life Stories: Louise Braille*. East Sussex: Wayland.
- Dixon, Judy. (2007). "Eight-dot Braille". *Laman Web BANA*. <http://www.brailleauthority.org> (tarikh diakses 29 Disember 2011).
- Fuady Azis. (1969). *Tuntunan Menulis Huruf Arab Braille*. Jogjakarta: Proyek Penerbitan Kitab Suci al-Quran Departemen Agama & YAKETUNIS.
- H. Muhammad Shohib (peny.). (2011). *Buku Pedoman Membaca dan Menulis al-Quran Braille*. Jakarta: LPMA.
- Hampshire, Barry. (1981). *Working with Braille: A Study of Braille as a Medium of Communication*. Paris: The UNESCO Press.
- Ibn Hazm, Muhammad Ali ibn Ahmad. (t.th.) *al-Taqrīb li Hadd al-Mantiq wa al-Madkhal ilayh bi al-Alfaz al-'Ammiyah wa al-Amthilah al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Irwin, Robert B. (t.th.). "The War of the Dots". American Foundation for the Blind. <http://www.afb.org/warofthedots/book.asp> (tarikh diakses: 28 Disember 2012).
- Izyan Liyana Mohd Darif. (2008). "Braille Moden". *Kosmo!*. 15 Februari. Arkib on-line: http://www.kosmo.com.my/kosmo/arkib.asp?y=2008&dt=0215&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm.

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (t.th.). *Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2011*. <http://www.jkm.gov.my/> (tarikh diakses: 28 Disember 2012).
- Jabatan Perdana Menteri (JPM). *Fail JPM no. 11954/35*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Kementerian Pelajaran/Pendidikan Malaysia. (2009). *Kod Braille Wasilah Bacaan al-Quran (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (1998). *Kod Braille Wasilah Bacaan al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (1982). *The Malay Braille Code*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kimbrough, Paula. (t.th.) *How Braille Began*. <http://www.brailleur.com/braillehx.htm> (tarikh diakses: 28 Disember 2012).
- Laman web Al-Quds Institution for Culture and Heritage. http://alqudslana.com/index.php?action=individual_details&id=1170 (tarikh diakses 10 Januari 2013).
- Lee Lay Wah dan Lee Bee Hiang. (2010). “Analisis Jenis Kesalahan Kod Braille Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar yang Mengambil Kursus Bermasalah Penglihatan”. *Malaysian Education Dean’s Council Journal vol. 6, Disember*. Hal. 1-14.
- Lorimer, Pamela. (1996). *A Critical Evaluation of the Historical Development of the Tactile Modes of Reading and an Analysis and Evaluation of Researches Carried Out in Endeavours to Make the Braille Code Easier to Read and to Write*. Birmingham: Tesis PhD University of Birmingham.
- M. Mustaqim Mohd Zarif, A.K. Mohamed, K.A. Mohamad & M.A. Yusoff. (2008). “Pengajaran Braille al-Quran di IPTA Malaysia: Kajian Kes di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia”. *Kertas Kerja Seminar al-Quran 2008 Peringkat Kebangsaan*. Kuala Terengganu: UDM, 19-20 Ogos.

- M. Mustaqim Mohd Zarif. (2009). “Beberapa Pemerhatian Mengenai Penggunaan Kontraksi dalam Penulisan Braille al-Quran di Malaysia”. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun*. Nilai: FPQS, USIM. 14 hal.
- Mackenzie, Sir Clutha. (1954). *World Braille Usage*. Paris: UNESCO.
- Malaysian Association for the Blind (MAB). *Laman Web Rasmi*. <http://www.mab.org.my/default.html> (tarikh diakses 7 Februari 2013).
- _____. (1956). *Report of the Council 1 Jan 1955 – 31 Dec 1955 and Accounts for the Year Ended 31 Dec 1955*. Kuala Lumpur: MAB.
- MEPrinter. (Mei 2005). “Saudi Arabia’s Custodian of the Two Holy Mosques’ Braille Press Helps the Light of the Holy Quran Reach the Blind”, *Middle East Print Communication Magazine*. Hal. 34-37.
- Mohd Najmuddin. (2007). “Sejarah Perkembangan Al Quran Braille di Indonesia”. *Laman Web Komunitas Sahabat Mata*. <http://jalancahaya.org/sejarah-perkembangan-al-quran-braille-di-indonesia.html> (tarikh diakses 21 Mac 2012).
- Mohd. Shah Che Ahmad. (2013). “Memperkasa Golongan Cacat Penglihatan”. *Utusan Malaysia*. 13 Februari.
- Neimark, Anne E. (1970). *Touch of Light: The Story of Louise Braille*. New York: Harcourt, Brace and World.
- Noor Najihan Jaafar & Kauthar Abd. Kadir. (2008). “Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya”, *Seminar Warisan al-Quran dan Hadith Nusantara*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 11 hal.
- Olstrom, Clifford E. (2011). *Undaunted by Blindness*. Massachusetts: Perkins School for the Blind.
- PERTIS. (2008). *Laman Web Rasmi*. <http://www.pertis.org.my/web/> (tarikh diakses 21 Julai 2008).
- Seymour-Ford, Jan. (April 2002). *Story of the Perkins Braille*. Massachusetts: Perkins School for the Blind. Hlm. 1-4. (e-dokumen) http://www.perkins.org/assets/downloads/research/story_of_brlr_kids.pdf.

- Simon, C. & Huertas, J. (1998). "How Blind Readers Perceive and Gather Information Written in Braille", *Journal of Visual Impairment and Blindness* 92:5. Hal. 322.
- Solehudin. (2011). *Pembelajaran Al-Qur'an Braille bagi Tunanetra Rehabilitasi di PSBN Wyata Guna Bandung*. Skripsi Sarjana Pendidikan, Universitas Pendidikan Indonesia.
- St. Nicholas' Home. *Laman Web Rasmi*. <http://snh.org.my/index/> (tarikh diakses 7 Februari 2013).
- Subowo, M.M. (25 Januari 2012). "Kajian Pedoman Membaca dan Menulis al-Quran Braille". Surat rasmi berserta lampiran kajian dari YAKETUNIS kepada Menteri Agama Republik Indonesia.
- Thomas, Mary G. (2011). "Thomas Rhodes Armitage". Official Website of the *Royal National Institute of Blind People*. <http://www.rnib.org.uk/aboutus/aboutsightloss/famous/pages/armitage.aspx> (tarikh diakses: 28 Disember 2012).
- Undang-undang Malaysia. *Akta Orang Kurang Upaya 2008* (Akta 685).
- World Health Organization (WHO). (2012). "Visual Impairment and Blindness". Laman Web Rasmi World Health Organization. <http://www.who.int/mediacentre/factsheets/fs282/en/> (tarikh diakses: 28 Disember 2012).
- Wormsley, Diane P. (2008). "Braille is Not a Language". *Laman Web BANA*. <http://www.brailleauthority.org> (tarikh diakses 29 Disember 2011).
- Zakaria bin Yahya. (2008). "Perkembangan dan Isu Terkini dalam Penulisan al-Quran Braille: Satu Tinjauan Umum". Kertas kerja dalam *Seminar Perkembangan dan Isu Terkini dalam Penulisan al-Quran Braille*. Kuala Lumpur: PERTIS. 14 hal.
- _____. (2009). "Petikan Pelbagai Entri dalam Blog Peribadi Zakaria bin Yahya". <http://besiwaja.blogspot.com/>.
- _____. (1991). *Sekolah Princess Elizabeth dan Sekolah Agama Puteri Elizabeth: Satu Tinjauan tentang Penubuhannya*. Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

INDEKS

A

- Akta OKU 2008
- Alif Lam Qamariyyah 100-1, 127, 133, 136, 143, 149, 152, 157, 164
- Alif Lam Shamsiyyah 100, 127, 133, 136, 143, 149, 152, 157, 164
- Ann Majeed 69, 70
- Arab Saudi 77, 92, 131, 137, 154-58, 168

B

- Barat xvii, 21, 23-24, 32, 44, 88
- Braille Enam Titik 26, 40-42, 44-45, 121
- Braille Lapan Titik 40, 44-45
- Braillon 43, 56, 72, 75, 165
- British xvi, 33, 61, 66, 69, 71, 89
- Buta 20, 24, 67, 69, 71, 76

C

- Charles Barbier 28-29

D

- Dabt al-Quran 115
- David Abraham 56
- Didymus 21
- D.R. Bridges 67, 68, 70, 89, 91

E

- Enid M.L. Fernandez 68

F

- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah xi, 83, 114, 174
- Fawasil 108, 110, 113-14, 145-46, 151, 154, 159, 166-68
- Fiqah 22

H

- Hambali (mazhab) 22
- Hamzah bin Ammah 74
- Heliograf 19
- Hija'iyah 94
- Hisab al-jummal 22
- Hizb 128-29, 144, 146, 149-50, 153, 157-58, 168

I

- Ibn Hazm 22, 173
- Idgham 107, 128, 157, 168
- Ikhfak 157, 168
- Imalah al-Kubra 110
- Indonesia 38, 73-74, 77, 81-82, 92, 114-15, 118, 131, 137, 159-64, 166-68, 175-76
- Ishmam 110, 128, 143
- Izhar 107, 127

J

- James Gall 24
- Jarum lakar 53
- Joel W. Smith 27
- John Alston 25

BRAILLE AL-QURAN: SEJARAH DAN KAEDAH

Jordan 65-66, 68, 70, 77, 88-89,
91, 114, 131, 137-45, 149-50,
159-60, 163, 171-72

J.W. Klein 26

K

Kleidograph 26

Kod Abreu 44

Kod Braille Komputer 45, 51

Kod Braille Muzik 45, 51

Kod Braille Nemeth 45, 50-51

Kod Braille Persuratan 45-46, 50-
51

Kod Kantenji 44

Kod Stenografi 44

Kod Tenkanji 44

komunikasi 19, 31, 39-40, 52

Kontraksi 97, 123, 175

L

Louis Braille 26, 28-33, 51, 90

M

Mad 100-2, 123-24, 136, 142-43,
149, 152, 157, 164, 168

Madani 113, 145-46, 150, 153,
158, 165-66

Makki 113, 145-46, 150, 153,
158, 165-66

Malaysia vii, viii, ix, xi, xiii, xvi,
xvii, xviii, 20, 40, 42, 47, 53,
56-57, 59, 61, 63, 65, 67-69,
73-87, 112, 114, 116-21, 130-
33, 135-37, 139, 146, 159,
161, 169, 172, 174-76

Mashaf Braille 71, 75, 77, 139,
143-45, 147-50, 153, 157-59,
165-66, 168, 171

Mesir 21, 77, 88-92, 131, 137,
146-50, 153, 157, 167

Mohamad Nor bin Awang Ngah
74, 118

Muhammad Lee Abdullah 79

Muhammad Yunus Maris 63, 117

P

Pakistan 76-77, 91, 114, 131, 160,
163

Penglihatan terhad 20

Peperangan Titik 36-37

PERTIS vii, viii, xi, xiii, xvii,
xviii, 59, 65, 77-82, 84-87, 97,
100-8, 110-16, 121-22, 130-
33, 135-36, 142, 147, 149,
151-52, 156, 163-64, 169, 171,
175-76

Piktograf 19

punktiform 28

Q

Qiraat 115, 146

R

Rasm Imla'i 115, 135, 142, 148,
152, 156, 163, 167

Rasm Uthmani 75, 80, 85-86,
103-7, 110, 115, 121, 128,
131, 135, 142, 148, 152, 156,
162-64, 169

Rawm 110, 128, 143

Revised Braille 35-36

Ruku' 165, 167-68

S

Saktah 144

Samuel Gridley Howe 25

Sel Kanan 41

Sel Kiri 41

Sel Kosong 41

Sel Penuh 41

Simon Pollak 34

SKPK Princess Elizabeth 68, 83,
118

Sonography 28-30

Standard Dot 35
 Standardisasi 32
 Subhi Tahir al-Dajani 91, 138
 Sujud Tilawah 144
 Sulaiman bin Shafie 71, 118

T

Tajwid 72, 84, 107, 127, 131, 133,
 164, 168
 Tanah Melayu 65, 66, 67, 69, 89,
 139
 Tanda Angka 46
 Tanda Atas 41
 Tanda Bawah 41
 Tanda Berganda 41
 Tanda Kata 41, 124-27
 Tanda Khas 101, 107-8, 110, 125,
 136
 Tanda Ringkas 41
 Tanda waqaf 107
 Tashil 110
 thermoform 43, 56, 59, 71, 75,
 160
 Thomas Armitage 33
 Thomas Lucas 25
 Timur Tengah 21, 93, 154
 Transkripsi 52

Trengkas 25, 44, 49
 Tunisia 77, 131, 137, 151-53, 167
 Tunku Abdul Rahman Putra al-
 Haj 75

U

Universiti Sains Islam Malaysia
 ix, xi, 83, 114, 174

V

Valentin Haüy 24, 28

W

William Bell Wait 26
 William Moon 26

Y

YAKETUNIS xiii, 73-74, 77, 79,
 115, 118, 160-63, 165, 171,
 173, 176
 YPWG xiii, 73, 77, 159, 161-64,
 166, 168, 171

Z

Zahari bin Ghani 75
 Zainuddin al-Amidi 22
 Zakaria bin Yahya vii, viii, xi,
 xvii, 79, 176

BRAILLE AL-QURAN

Sejarah dan Kaedah

Buku ini membincangkan mengenai Braille al-Quran dalam konteks Malaysia khususnya dari aspek sejarah, kaedah, amalan dan senario pada masa kini. Selain merekonstruksi semula sejarah sosial Braille al-Quran di negara ini, perbandingan dengan beberapa mashaf Braille terbitan negara Islam lain turut dilakukan dari aspek sejarah, kaedah dan format penulisan. Ia bertujuan memenuhi kelompangan ilmu yang terdapat dalam bidang Braille al-Quran dan ditulis dengan gaya bahasa, persembahan dan kandungan ilmiah yang mudah dan menarik. Diharapkan agar buku ini dapat memberikan kefahaman dan apresiasi kesemua golongan masyarakat, sama ada yang berpenglihatan mahupun tidak terhadap Braille al-Quran yang seterusnya akan membawa kepada perkembangannya yang lebih cerah pada masa depan.

PROFESOR MADYA DR. MUHAMMAD MUSTAQIM MOHD ZARIF adalah Pengarah di Institut Sains Islam (ISI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Dengan Kepujian) dan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Pengajian Quran dan Sunnah dan memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pengajian Islam dari University of Edinburgh, Scotland. Beliau aktif menghasilkan penyelidikan dan penulisan dalam pelbagai aspek berkaitan Pengajian Quran dan Sunnah, Quran Braille, Manuskrip Melayu-Islam, serta Islam di Alam Melayu. Beliau juga pernah menjawat pelbagai jawatan pentadbiran antaranya; Pemangku Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Pengarah Pusat Pengajian Teras (PPT), Pengarah Institut Kefahaman Quran dan Sunnah (IQ) dan Pemangku Penyelaras Institut Quran Braille (IQ Braille).

